



18 JAN, 2025

PM lancar ladang solar TNB di UK



Berita Harian, Malaysia

PM lancar ladang solar TNB di UK

Tenaga Nasional Bhd (TNB) terus memacu perkembangan pesat Malaysia dalam pasaran tenaga boleh baharu (RE) global dengan pelancaran ladang solar berkapasiti 102 megawatt (MW) Eastfield dan Bunkers Hill di United Kingdom (UK).

Ladang solar itu dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di London, semalam.

Perbadanan utiliti nasional itu mempunyai portfolio kasar RE (terutama daripada aset penjanaan tenaga solar dan angin) berjumlah 1.3 gigawatt (GW) dalam operasi dan pembangunan di seluruh UK dan Ireland serta 3.2 GW di Semenanjung (termasuk 2.5 GW hidro besar).

Bunkers Hill di Rotherwick (66.7 megawatt puncak (MWp) dan Eastfield di Harbury (35 MWp) itu merupakan ladang solar canggih serta inovatif.

Kedua-dua ladang solar itu dengan gabungan kapasiti 102 MW menonjolkan kepakaran Malaysia

dalam memacu penyelesaian tenaga lestari di seluruh dunia.

Kedua-dua ladang solar dengan gabungan kapasiti 102 MW itu disasarkan mencapai Tarikh Operasi Komersial pada awal tahun ini.

Projek disokong oleh skim kontrak-bagi-perbezaan 15 tahun yang diperoleh pada Julai 2022 itu akan memastikan kestabilan hasil melalui penetapan harga tetap untuk penjanaan RE sambil melindungi pelabur daripada turun naik pasaran.

Pada masa ini TNB memiliki, membangun dan mengendalikan aset RE di seluruh UK serta Ireland, termasuk projek solar darat, tenaga angin luar pesisir dan bateri.

Dua projek pembangunan solar tapak baharu yang baru siap itu, sebaik sahaja mencapai Tarikh Operasi Komersial akan meningkatkan jumlah kapasiti penjanaan tenaga boleh baharu di UK kepada 908 MW.

Presiden dan Ketua Pegawai

Eksekutif TNB, Datuk Ir Megat Jalaluddin Megat Hassan, berkata TNB bangga dengan sumbangannya kepada sektor tenaga boleh baharu ketika syarikat itu meluaskan kehadiran bukan hanya di Malaysia dan UK, tetapi juga di pasaran global lain.

"Kami berharap memanfaatkan kepakaran yang telah kami bina sejak 75 tahun lalu dengan menerima pakar kemajuan teknologi dan mengutamakan pembangunan bakat," katanya dalam ucapan pada majlis pelancaran berkenaan.

Turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri Tengku Datuk Seri Zafry Abdul Aziz; Menteri Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Johari Abdul Ghani serta Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zamby Abdul Kadir.

Sementara itu, Anwar melahirkan keyakinan penglibatan TNB dalam sektor tenaga boleh baharu didorong pertumbuhan teguh ekonomi dan perkembangan pesat di rantau jangka panjang yang besar kepada



Anwar melancarkan ladang solar tenaga boleh baharu TNB di UK yang turut disertai Megat Jalaluddin dan Ketua Pegawai Eksekutif Vantage RE Ltd, Vian Davys.
(Foto BERNAMA)

Malaysia, terutamanya dari segi pindahan teknologi.

Perdana Menteri menekankan bahawa Malaysia sedang giat mencari pelaburan baharu dalam sektor tenaga boleh baharu didorong pertumbuhan teguh ekonomi dan perkembangan pesat di rantau Asia Tenggara.

"Dengan perubahan masa, anda menyedari kini terdapat peralihan daripada penggunaan tenaga konvensional kepada tenaga baharu, tenaga boleh diperbaharui.

"TNB sebagai pemain utama telah menunjukkan prestasi yang luar biasa," katanya. BERNAMA